

PERBARISAN BULANAN KOMANDER PANGKALAN UDARA SUBANG BAGI BULAN OGOS 2017

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2270-perbarisan-bulanan-komander-pangkalan-udara-subang-bagi-bulan-ogos-2017

SUBANG, 15 Ogos 17 – Perbarisan Bulanan Komander Pangkalan telah diadakan di Dewan Ababil, PU Subang. Perbarisan telah dihadiri seramai 83 Pegawai, 371 anggota lain-lain pangkat dan kakitangan awam.

Dalam perbarisan tersebut, Pemangku Komander Pangkalan, YBhg Kol Sharil bin Mohd Ariffin TUDM telah menyempurnakan Majlis Pemakaian kepada anggota lain-lain pangkat yang terdiri daripada 4 Pegawai dan 58 Anggota Lain-lain Pangkat dari pelbagai cawang dan pangkat.

Pemangku Komander Pangkalan mengucapkan tahniah kepada anggota yang baru dinaikkan pangkat semoga ianya dapat menjadi pemangkin untuk menjadi lebih baik proaktif serta produktif dalam melaksanakan penugasan seharian disamping tidak mengabaikan penugasan seharian.

Dalam perbarisan itu juga telah disampaikan Sijil Penghargaan kepada Persatuan Olahraga PU Subang kerana telah mengharumkan nama pangkalan ini dalam menjadi Johan Keseluruhan semasa Kejohanan Olahraga Peringkat TUDM tempohari. Selain itu, turut diadakan adalah penyerahan cek pampasan ganti rugi bencana banjir lumpur yang menimpa anggota penghuni RKAT PU Subang F3.

Pemangku Komander Pangkalan turut mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan serta berkongsi tentang Program Transformasi Nasional 2050 Pertahanan (TN50D) kepada semua peringkat anggota Pangkalan Udara Subang.



